

TRAGEDI BOT TERBALIK

Mayat ditemui bersama kad bank

Bachok: Penantian hampir seminggu keluarga mangsa bot terbalik yang hilang akhirnya menemui noktah apabila mangsa terakhir, Arman Ismail, 42, ditemui, semalam.

Mayat lelaki berkenaan dijumpai terapung oleh nelayan dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) kira-kira 40 batu nautika dari Jeti Perikanan Kemasin di sini, jam 2.20 petang.

Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Shamsulmuddin Sulaiman berkata, mayat Arman disahkan oleh kakaknya, Aida, 50, dan keluarga berdasarkan pakaian mangsa.

“Selain itu, pemeriksaan pada mayat turut menemukan kad pengenalan, kad bank dan dokumen mengandungi nama mangsa.

“Penemuan ini menjadikan semua mangsa yang hilang sudah berjaya ditemui,” katanya ketika sidang

media di sini.

Katanya, mayat mangsa dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HR-PZII), Kota Bharu untuk bedah siasat.

Sementara itu, Pengarah APMM Kelantan, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, mayat mangsa terakhir dijumpai kira-kira 31.4 batu nautika dari jarak lokasi bot terbalik.

Katanya, mangsa terakhir itu ditemui pada jarak tiga batu nautika dari mayat mangsa ketujuh yang turut ditemui, semalam.

Terdahulu, mayat mangsa ketujuh ditemui pada jarak 37.1 batu nautika dari Jeti Perikanan Kemasin, di sini, jam 10.30 pagi.

Setakat ini, identiti mangsa dipercayai Che Wadi Bakar, 44, selepas proses pengecaman dilakukan oleh ahli keluarga dan majikannya berdasarkan pakaiannya.